

26/04/2000

Empat wira Everest terima kondominium

KUALA LUMPUR, Selasa - Empat pendaki yang berjaya menawan Gunung Everest 23 Mei 1997 lalu menerima kondominium di Vista Komanwel, dekat Stadium Bukit Jalil, berharga kira-kira RM300,000 seunit sumbangan United Engineers Malaysia (UEM) Berhad, hari ini.

Hadiah disampaikan Pengerusi Renong Berhad, Tan Sri Halim Saad. Hadir sama, Pengarah Urusan UEM, Datuk Dr Ramli Mohamad dan keluarga pendaki.

Mohanandas Nagappan, 39, Magendran Munisamy, 36, Mohd Fauzan Hassan, 33, dan Gary Choong, 43, berjaya menawan puncak Gunung Everest, setinggi 8,848 meter, jam 2.15 petang (waktu Malaysia) pada suhu -28 darjah selcius.

Bagaimanapun, hanya Magendran dan Mohanandas berjaya sampai ke puncak manakala Mohd Fauzan dan Gary terpaksa berpatah balik kerana masalah kesihatan. Projek Malaysia-Everest diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan dilancarkan pada 4 Jun 1996.

Mengenai kelewatan pemberian hadiah kepada pendaki, Dr Ramli berkata, kondominium berkenaan dijadikan pusat penginapan peserta Sukan Komanwel '98 selain kegawatan ekonomi yang melanda negara.

"Pada 1997, kondominium ini belum siap, manakala 1998 dan 1999, negara menghadapi kegawatan ekonomi yang menghalang UEM menghadiahkan kepada mereka," katanya.

Dr Ramli berkata, tidak wujud pilih kasih antara pendaki Gunung Everest dan pelayar negara, Datuk Azhar Mansor yang dihadiahkan seunit kondominium dan biasiswa untuk anaknya, walaupun peserta Ekspedisi Everest berkenaan lebih awal mencatat kejayaan.

"Bagi kami kejayaan Datuk Azhar lebih bermakna kerana beliau belayar seorang diri. Bagaimanapun, kami menghargai semua kejayaan yang dibuat oleh rakyat Malaysia," katanya.

Selain itu, beliau tidak menolak kemungkinan akan memberi ganjaran kepada rakyat Malaysia yang berjaya mengharumkan nama negara di mata dunia menerusi aktiviti yang mengkagumkan.

"Itu kami tidak janji tetapi jika kejayaan itu berjaya mengharumkan negara, kami akan mempertimbangkan untuk ganjaran tertentu," katanya.

(END)